

## **Kebijaksanaan Emosi Dan Pencapaian Akademik Pelajar Kolej Aminuddin Baki Dan Kolej Za'ba Universiti Pendidikan Sultan Idris**

*Syed Sofian Syed Salim<sup>1</sup>, Nor Haslin Mohd Adnan<sup>2</sup>*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>1</sup>, SMK Bandar Behrang 2020<sup>2</sup>*  
*sofian@fppm.upsi.edu.my*

### **ABSTRAK**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat tahap kebijaksanaan emosi (EI) penghuni Kolej Aminuddin Baki (KAB) dan Kolej Za'ba (KZ) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kedua, kajian ini juga untuk melihat kesan interaksi antara EI dengan faktor demografi jantina dan umur ke atas pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 315 orang penghuni KAB dan KZ di UPSI dengan melibatkan 8 blok iaitu 4 blok KAB dan 4 blok KZ. Alat ukuran Emotional Competence Inventory (ECI) oleh Boyatzis, Goleman dan HayMcBer (1999) telah digunakan untuk mengukur EI. Manakala pencapaian akademik diukur dengan menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan penetapan oleh Bahagian Akademik UPSI. Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa 55.6 peratus penghuni (175 pelajar) berada pada tahap EI sederhana manakala 44.1 peratus penghuni (139 pelajar) berada pada tahap EI tinggi. Hanya satu orang pelajar (0.3 peratus) mempunyai EI rendah. Manakala dapatan kajian dari segi interaksi antara EI dengan faktor demografi jantina dan umur ke atas pencapaian akademik menunjukkan tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan. Ini menunjukkan faktor demografi jantina dan umur tidak memberi kesan ke atas pencapaian akademik penghuni kedua-dua kolej tersebut.

Kata Kunci: Kebijaksanaan Emosi, Emotional Competence Inventory, Pencapaian Akademik

### **PENGENALAN**

EI dilihat sebagai faktor yang boleh mempengaruhi pembelajaran seseorang mahasiswa/i. Justeru itu ia akan membawa implikasi terhadap pencapaian akademik mereka. Kajian oleh Arnold dan Denny (1992) menunjukkan bahawa pelajar yang cerdas dengan EI yang tinggi telah memperoleh keputusan yang cemerlang di universiti. Umumnya pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan IQ pelajar yang tinggi sedangkan aspek emosi tidak diberikan penekanan sewajarnya. Walau bagaimanapun, ahli psikologi telah menyedari akan kepentingan peranan EI pelajar dalam menjayakan pencapaian akademik. Contohnya, Stenberg (1985) dan Goleman (1995, 1998) menyatakan bahawa kecemerlangan seseorang bergantung kepada KE yang dimilikinya.

Konsep EI ini memang telah hangat diperbincangkan di kebanyakan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, sehinggalah mula berkembang ke negara-negara Asia seperti Taiwan, Jepun, Singapura dan negara kita Malaysia. Konsep EI ini dikatakan sebagai alternatif kepada konsep IQ yang selama ini terlalu diagung-agungkan yang boleh membawa kejayaan seseorang individu. Kebanyakan ahli psikologi masih lagi mempercayai bahawa IQ adalah peramal terbaik dalam kejayaan dan pencapaian dalam kehidupan seseorang individu. Oleh itu jika seseorang yang mempunyai IQ yang baik dan merupakan lepasan dari institusi-institusi yang terbaik sama ada dari luar atau dalam negara maka individu tersebut berpeluang besar untuk memperoleh pekerjaan di mana-mana sektor yang diinginkan. Namun demikian, banyak kajian menunjukkan bahawa individu yang pintar dan cerdas secara intelektual dan mental, bukanlah individu yang paling berjaya dalam aspek perniagaan dan kehidupan peribadi mereka (Mayer dan Slovey 1993).

Goleman dalam bukunya *Emotional Intelligence: Why it Can Matter More Than IQ* (1995) juga menyatakan bahawa potensi IQ hanya menyumbang 20 peratus sahaja kepada kejayaan masa depan seseorang. Manakala 80 peratus lagi menyumbang kepada kejayaan individu ialah aspek EI. Selain itu dalam bukunya yang bertajuk *Working With Emotional Intelligence* (1998) beliau menyebut bahawa 90 peratus prestasi kerja seseorang itu lebih ditentukan oleh EI, sedangkan aspek pengetahuan hanya memberikan sumbangan 4 peratus sahaja dan 2 peratus lagi adalah aspek-aspek lain. Oleh itu jelas di sini kejayaan dan kecemerlangan seseorang individu dalam kehidupan seperti pendidikan dan kerjaya serta mengawal tekanan banyak bergantung kepada EI berbanding dengan IQ. Namun begitu perlu diingat kedua-dua ini masih saling berkaitan dan tidak boleh diketepikan. Apa yang jelas menurut Goleman bahawa EI jauh lebih berperanan dalam menentukan siapa yang akan menjadi bintang dan cemerlang dalam sesuatu bidang.

Menurut Goleman (1998) individu yang mempunyai EI yang tinggi mempunyai motivasi dalam usaha mencapai sesuatu matlamat yang ingin dicapai. Oleh itu seseorang pelajar akan sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai dan memastikan matlamat mereka akan tercapai. Jika matlamat yang diinginkan dicapai dengan sokongan daripada pelbagai pihak ini akan memberi kepuasan kepada pelajar berkenaan dalam kursus-kursus atau bidang yang mereka diceburi itu. Kajian oleh Bar-On (1997) dan Abraham (2000) membuktikan bahawa EI memang mempunyai hubungan yang positif dengan kepuasan dalam segala kerja yang dilakukan dan begitu juga dengan prestasi kerja.

Goleman (1995) menyatakan EI juga mencakupi kesedaran diri dan dapat mengendali dorongan hati, ketekunan, semangat dan motivasi diri untuk mencapai sesuatu. Ia juga berkaitan dengan kemampuan seseorang memahami orang lain, kemampuan membina hubungan dengan individu di persekitarannya, berkemampuan bekerja secara berkumpulan dan yang lebih penting dapat berkomunikasi dengan baik dan berkesan pada semua peringkat. Perlu diakui bahawa EI seseorang pelajar berkemampuan untuk mencapai kejayaan di sekolah, universiti, tempat kerja dan dalam berkomunikasi dalam lingkungan persekitaran kuliah dan kolej serta lingkungan masyarakat.

Berdasarkan hasil kajian dan pelbagai pandangan yang telah diutarakan oleh ahli-ahli psikologi, permasalahan yang akan diutarakan dan dikaji oleh pengkaji ialah melihat sejauh manakah terdapatnya hubungan atau interaksi antara EI dengan beberapa aspek demografi seperti jantina dan umur terhadap pencapaian akademik pelajar KAB dan KZ. Oleh itu melalui kajian yang dijalankan ini, diharapkan dapat melihat dengan jelas sama ada terdapat perkaitan antara EI dengan pencapaian akademik para penghuni kolej KAB dan KZ.

## **METOD KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini adalah dengan menggunakan kaedah reka bentuk tinjauan yang mana penyelidik mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja. Bagi tujuan ini pengkaji menggunakan satu set soal selidik dalam memperoleh data dalam kalangan mahasiswa/i UPSI yang menginap di dua buah kolej iaitu KAB dan KZ di Tanjong Malim, Perak. Tumpuan kajian ialah terhadap mahasiswa/i UPSI yang tinggal di kolej KAB dan KZ. Kajian ini melibatkan seramai 315 orang mahasiswa/i dari semua peringkat iaitu fakulti, semester, jantina, bangsa, negeri dan umur.

Kaedah pensampelan yang digunakan bagi memilih responden kajian ialah pensampelan berkelompok. Memandangkan jumlah populasi yang besar maka cara pensampelan ini adalah lebih baik.

Menurut Wiersma (2000) persampelan berkelompok ini biasanya melibatkan populasi yang besar yang mana semua ahli dalam kelompok ini terlibat sebagai sampel. Bagi tujuan penyelidikan ini, pengkaji telah mengelompokkan responden mengikut kolej dan kemudian mengikut blok. Dalam kajian ini seramai 315 responden terlibat yang mana ia meliputi 8 buah blok (4 blok KAB dan 4 Blok KZ) iaitu 39 pelajar (5 blok) dan 40 pelajar (3 blok). Manakala pemilihan sampel mengikut blok pula, dibuat oleh pengkaji berdasarkan persampelan rawak mudah.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data. Menurut Mohd Majid (1998) terdapat beberapa kelebihan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Antara kelebihan tersebut ialah arahan dan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik adalah piawai dan seragam untuk semua sampel. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian bagi mengumpul data-data berkenaan EI dan pencapaian akademik dengan menggunakan skala Likert. Alat ukuran *Emotional Competence Inventory (ECI)* oleh Boyatzis, Goleman dan HayMcBer (1999) telah digunakan untuk mengukur EI. Manakala pencapaian akademik diukur dengan menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan penetapan oleh Bahagian Akademik UPSI.

Dua jenis statistik yang digunakan dalam penganalisan data iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Bagi statistik deskriptif data tersebut dianalisis dengan menggunakan taburan kekerapan, peratusan, min dan lain-lain pengiraan yang dapat menggambarkan taburan data yang diperoleh dengan lebih jelas. Manakala statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian yang dibentuk iaitu untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### a. Keputusan Deskriptif

Dari segi taburan data, analisis statistik deskriptif menunjukkan penyebaran data adalah tinggi bagi pemboleh ubah EI, dan ini diikuti oleh pemboleh ubah pencapaian akademik. Statistik deskriptif yang menunjukkan nilai min, median, mod, S.P. serta markah minimum dan maksimum secara lengkap bagi pemboleh ubah tersebut dipaparkan di dalam Jadual 1. Hasil analisis juga mendapati nilai min, median dan mod berada hampir dengan pertengahan julat. Ini menunjukkan taburan data yang diperoleh menghampiri taburan normal.

JADUAL 1: Statistik Deskriptif Bagi EI, dan Pencapaian Akademik

| Pemboleh Ubah       | Min    | Median | Mod | S.P   | Min | Mak |
|---------------------|--------|--------|-----|-------|-----|-----|
| EI                  | 181.21 | 178    | 150 | 21.66 | 114 | 248 |
| Pencapaian Akademik | 2.4    | 2      | 2   | 0.6   | 1   | 3   |

### i. Tahap EI

Tahap EI dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah (markah 50 – 116), sederhana (markah 117 – 183) dan tinggi (markah 184 – 250). Secara keseluruhannya melalui analisis yang telah dijalankan didapati majoriti subjek mempunyai tahap EI yang sederhana iaitu 55.6 peratus (175 orang). Manakala pada tahap EI yang tinggi ialah 44.1 peratus (139 orang). Hanya 0.3 peratus (1 orang) sahaja yang mempunyai tahap EI yang rendah. Keputusan ini juga selari dengan nilai min markah EI pada tahap sederhana seperti yang dilihat pada Jadual 1. Analisis lengkap mengenai kekerapan dan peratusan tahap EI dapat dilihat di dalam Jadual 2.

**JADUAL 2: Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap EI**

| Tahap EI  | Kekerapan | Peratus |
|-----------|-----------|---------|
| Rendah    | 1         | 0.3     |
| Sederhana | 175       | 55.6    |
| Tinggi    | 139       | 44.1    |

Jika dilihat keputusan analisis dari segi jantina didapati 53.8 peratus pelajar perempuan mempunyai tahap EI yang tinggi berbanding kumpulan pelajar lelaki iaitu 30.5 peratus. Sebahagian besar kumpulan pelajar lelaki (69.5 peratus) mempunyai tahap EI yang sederhana berbanding kumpulan pelajar perempuan (45.7 peratus). Manakala tahap EI yang rendah, peratusannya amat kecil iaitu 0.5 peratus (1 orang) dalam kalangan pelajar perempuan. Pelajar lelaki yang dikaji pula tidak mempunyai tahap EI yang rendah. Keputusan lengkap mengenai taburan tahap EI mengikut kumpulan jantina dapat dilihat di dalam Jadual 3.

**JADUAL 3: Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap EI Mengikut Kumpulan Jantina**

| Tahap EI  | Lelaki Kekerapan | Lelaki Peratus | Perempuan Kekerapan | Perempuan Peratus |
|-----------|------------------|----------------|---------------------|-------------------|
| Rendah    | 0                | 0              | 1                   | 0.5               |
| Sederhana | 91               | 69.5           | 84                  | 45.7              |
| Tinggi    | 40               | 30.5           | 99                  | 53.8              |

Jika dilihat keputusan analisis dari segi kategori umur didapati subjek mempunyai tahap EI yang sederhana bagi kategori umur < 22 tahun (50.8 peratus). Manakala tahap EI yang rendah, peratusan jumlah pelajar begitu kecil mengikut tahap umur yang mana kategori umur < 22 tahun hanya 0.3 peratus pelajar dan kategori umur 22 – 24 tahun dan > 24 tahun tidak mempunyai tahap EI yang rendah. Keputusan analisis lengkap boleh didapati di dalam Jadual 4.

**JADUAL 4 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap EI Mengikut Kategori Umur**

| Tahap EI  | ≤ 22 tahun |        | 22 – 24 tahun |       | ≥ 24 tahun |       |
|-----------|------------|--------|---------------|-------|------------|-------|
|           | Bil.       | (%)    | Bil.          | (%)   | Bil.       | (%)   |
| Rendah    | 1          | (0.3)  | 0             | (0)   | 0          | (0)   |
| Sederhana | 160        | (50.8) | 8             | (2.5) | 7          | (2.2) |
| Tinggi    | 119        | (37.8) | 11            | (3.5) | 9          | (2.9) |
| Jumlah    | 280        | (88.9) | 19            | (6.0) | 16         | (5.1) |

### ***ii. Tahap Pencapaian Akademik***

Jika dilihat keputusan analisis dari segi pencapaian akademik keseluruhan didapati subjek mempunyai tahap EI yang sederhana bagi tiga kategori pencapaian akademik iaitu PNGK 2 – 2.49 (36.8 peratus), PNGK 2.5 – 3.66 (62.7 peratus) dan PNGK 3.67 – 4.00 (49.6 peratus). Keputusan analisis yang lengkap boleh dilihat dalam Jadual 5.

JADUAL 5 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap EI Mengikut Pencapaian Akademik

| Tahap EI  | PNGK 2 – 2.49 |        | PNGK 2.5 – 3.66 |        | PNGK 3.67 – 4.00 |        |
|-----------|---------------|--------|-----------------|--------|------------------|--------|
|           | Bil.          | (%)    | Bil.            | (%)    | Bil.             | (%)    |
| Rendah    | 0             | (0)    | 0               | (0)    | 1                | (0.7)  |
| Sederhana | 7             | (36.8) | 101             | (62.7) | 67               | (49.6) |
| Tinggi    | 12            | (63.2) | 60              | (37.3) | 67               | (49.6) |
| Jumlah    | 19            | (100)  | 161             | (100)  | 135              | (100)  |

### b. Keputusan Inferensi

Pengujian hipotesis menggunakan tiga jenis kaedah statistik iaitu kolerasi Pearson, ANOVA dua hala dan regresi pelbagai.

***Ho.1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara EI dengan pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ UPSI.***

Keputusan analisis korelasi Pearson dan Spearman menunjukkan EI mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pencapaian akademik. Kesemua pemboleh ubah diuji pada aras kepentingan 0.01. Maklumat lengkap tentang hubungan antara EI dengan pemboleh ubah yang diuji serta hubungan sesama pemboleh ubah ditunjukkan dengan jelas di dalam Jadual 6.

JADUAL 6 : Hubungan EI Dengan Pencapaian Akademik

| Pemboleh Ubah | EI |
|---------------|----|
| EI            | -  |

Dari segi kedudukan hubungan dan hubungan sesama pemboleh ubah didapati hasil kajian menunjukkan bahawa EI mempunyai nilai korelasi yang tinggi dan signifikan dengan pencapaian akademik iaitu  $r = .086$ ,  $p < .01$ . Namun begitu jika dilihat dari segi kekuatan pula, hubungannya adalah dianggap lemah. Ini kerana nilai pekali korelasi dianggap kuat sekiranya menghampiri 1 (nilai maksimum bagi sesuatu pekali korelasi) seperti yang dikemukakan oleh Cohen dan Holliday (dalam Bryman & Cramer 2001) dan Mohd Salleh dan Zaidatun (2001).

***Ho.2. Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara EI dengan faktor jantina ke atas pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ UPSI.***

Jika dilihat dari segi pencapaian akademik, keputusan analisis ANOVA dua hala juga menunjukkan tidak terdapat kesan interaksi EI dengan faktor jantina yang signifikan ke atas pencapaian akademik [ $F(1,310) = 2.951$ ;  $p > 0.05$ ]. Oleh itu, hipotesis 2 yang menyatakan tidak terdapat kesan interaksi EI dan faktor jantina ke atas pencapaian akademik diterima. Begitu juga, hasil keputusan analisis ANOVA dua hala menunjukkan tidak terdapat kesan utama yang signifikan di antara tahap EI ke atas pencapaian akademik [ $F(2,310) = 0.537$ ;  $p > 0.05$ ]. Dapatan ini jelas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara subjek yang tinggi dan sederhana tahap

EInya. Jika dilihat dari perspektif faktor jantina pula, dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat kesan utama yang signifikan di antara jantina ke atas pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ UPSI [ $F(1,310) = 1.304$ ;  $p > 0.05$ ]. Maklumat lengkap tentang ANOVA dua hala ditunjukkan dalam Jadual 8.

JADUAL 8: Kesan Interaksi EI Dengan Faktor Jantina Ke Atas Pencapaian Akademik

| Punca Variasi          | JKD      | dk  | MKD   | F     |
|------------------------|----------|-----|-------|-------|
| EI                     | .379     | 2   | .190  | .537  |
| Jantina                | .460     | 1   | .460  | 1.304 |
| Interaksi EI x Jantina | 1.041    | 1   | 1.041 | 2.951 |
| Ralat                  | 109.400  | 310 | .353  |       |
| Jumlah                 | 1878.000 | 315 |       |       |

***Ho.3. Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara EI dengan faktor umur ke atas pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ UPSI.***

Keputusan analisis ANOVA dua hala seterusnya ialah melibatkan faktor demografi umur terhadap pencapaian akademik. Dapatan analisis juga menunjukkan tidak terdapat kesan interaksi EI dan faktor umur yang signifikan ke atas pencapaian akademik [ $F(2,308) = 1.298$ ;  $p > 0.05$ ]. Oleh itu, hipotesis 3 adalah diterima. Begitu juga hasil keputusan analisis ANOVA dua hala menunjukkan tidak terdapat kesan utama yang signifikan di antara tahap EI ke atas pencapaian akademik [ $F(2,308) = 0.934$ ;  $p > 0.05$ ]. Dapatan ini jelas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian akademik di antara subjek yang tinggi dan sederhana EInya. Selain itu, dapatan analisis juga menunjukkan tidak terdapat kesan utama yang signifikan di antara kategori umur ke atas pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ UPSI [ $F(2,308) = 0.159$ ;  $p > 0.05$ ]. Maklumat lengkap tentang keputusan ANOVA dua hala ditunjukkan dalam Jadual 9.

JADUAL 9: Kesan Interaksi EI Dengan Faktor Umur Ke Atas Pencapaian Akademik

| Punca Variasi       | JKD      | dk  | MKD  | F     |
|---------------------|----------|-----|------|-------|
| EI                  | .665     | 2   | .333 | .934  |
| Umur                | .113     | 2   | .057 | .159  |
| Interaksi EI x Umur | .925     | 2   | .462 | 1.298 |
| Ralat               | 109.695  | 308 | .356 |       |
| Jumlah              | 1878.000 | 315 |      |       |

## **PERBINCANGAN**

### **Hubungan EI dengan Pencapaian Akademik**

Dapatan kajian ini telah menunjukkan hubungan antara EI dengan pencapaian akademik pelajar adalah positif dan signifikan. Namun begitu jika dilihat dari segi kekuatan pula, hubungannya adalah dianggap lemah. Keputusan ini membuktikan bahawa walaupun tahap EI seseorang itu tinggi tidak semestinya pencapaian akademiknya juga tinggi. Dapatan kajian ini secara langsung menyokong dan selari dengan beberapa kajian yang dihasilkan oleh Masni (2001) yang mana dapatan kajian beliau mendapati gaya pembelajaran yang dominan diamalkan oleh pelajar ialah gaya pembelajaran berasaskan dimensi sosiologi, iaitu gaya pembelajaran dan diikuti dimensi emosi iaitu motivasi guru. Ini membuktikan bahawa gaya pembelajaran dan juga persekitaran mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik seseorang pelajar. Selain itu kajian yang dilaksanakan oleh Noor Hayati (2005) juga mendapati terdapat hubungan antara gaya belajar dengan pencapaian akademik.

Menurut penyelidikan yang telah dijalankan di luar negara, dapatan kajian oleh Bass dan Greary (1996) dalam Baharin et al (2007) merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi seseorang individu mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya. Penggunaan kaedah atau gaya belajar dapat membantu seseorang mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran. Secara tidak langsung ia dapat mempengaruhi juga pencapaian akademik seseorang pelajar. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Dwyer (1974) juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang bersifat dimensi pemikiran dan penilaian telah mencapai prestasi akademik yang cemerlang.

Selain itu juga, salah satu faktor yang mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik seseorang itu adalah faktor keluarga. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Nor Yaakob (1990). Beliau melihat perkaitan faktor latar belakang keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan dan berpendapatan tinggi didapati adalah lebih cemerlang prestasi akademiknya berbanding dengan pelajar yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan dan berpendapatan rendah. Beliau berpendapat keluarga yang berpendapatan rendah akan lebih membelanjakan sejumlah besar pendapatan mereka untuk keperluan asas dan mempunyai kurang peruntukkan untuk keperluan pendidikan dan keperluan lain. Oleh itu jelas kepada kita faktor EI bukanlah merupakan faktor terpenting dalam menjamin pencapaian seseorang cemerlang atau tidak dalam pendidikan. Malah terdapat faktor-faktor lain yang lebih berkuasa lagi seperti yang dibincangkan di atas.

### **Kesan Interaksi EI dengan Faktor Jantina**

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan faktor demografi iaitu berkaitan jantina tidak memberikan kesan interaksi di antara EI dengan pemboleh ubah yang dikaji iaitu pemboleh ubah pencapaian akademik pelajar KAB dan KZ. Ini menunjukkan bahawa jantina tidak dapat bertindak sebagai pemboleh ubah penyederhanaan dalam hubungan antara tahap EI dengan pemboleh ubah pencapaian akademik. Ini menunjukkan pemboleh ubah EI dan pencapaian akademik bagi pelajar lelaki dan perempuan tidaklah menunjukkan perbezaan dalam tahap EI yang sederhana dan tinggi.

Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Collins dan Harpes (1974), Gilligan (1989), Brody dan Hall (1993), Block (1995), Schutte et al. (1998), dan Sutarso (1999) yang menyatakan tidak wujud interaksi antara faktor jantina ke atas pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan faktor jantina tidak memberikan apa-apa kesan dalam tiga tahap EI iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

Oleh itu, secara keseluruhannya EI tidak menunjukkan perbezaan antara lelaki dan perempuan. Jika dilihat taburan peratusan tahap EI mengikut jantina didapati jantina perempuan menunjukkan 53.8 peratus tahap EI tinggi berbanding lelaki yang merangkumi 30.5 peratus. Lelaki lebih ramai mempunyai tahap EI yang sederhana iaitu 69.5 peratus berbanding perempuan iaitu 45.7 peratus. Namun, perbezaan tahap EI lelaki dan perempuan ini tidaklah jauh berbeza antara satu sama lain.

Begitu juga jika dilihat taburan peratusan tahap pencapaian akademik dalam kalangan penghuni kolej KAB dan KZ dengan faktor jantina yang mana lelaki dan perempuan juga tidaklah menunjukkan jurang perbezaan yang ketara. Lelaki dan perempuan mempunyai kemahiran dan kekuatan masing-masing dalam meningkatkan pencapaian akademik masing-masing dengan baik. Daniel Goleman (1998) berpendapat bahawa EI lelaki dan perempuan lebih banyak persamaan berbanding perbezaannya.

### **Kesan Interaksi EI dengan Faktor Umur**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor demografi iaitu umur juga tidak menunjukkan hubungan antara EI dengan pencapaian akademik. Ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian akademik bagi setiap kategori umur adalah sama dalam dua keadaan tahap EI yang berbeza iaitu tahap sederhana dan tinggi. Selain itu juga, ia memberi gambaran bahawa min bagi setiap pemboleh ubah terikat tersebut selaras di dalam dua keadaan tahap EI yang berbeza.

Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan min pemboleh ubah terikat dua kategori umur iaitu 22 – 24 tahun, > 24 tahun bergerak hampir selari di dalam dua tahap EI. Namun, kategori umur < 22 tahun mempunyai min yang tinggi. Ini kerana sampel kajian pada peringkat umur < 22 tahun lebih ramai berbanding peringkat umur yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa faktor umur tidak mempengaruhi pencapaian akademik apabila berinteraksi dengan pemboleh ubah EI. Keputusan ini berkemungkinan disebabkan oleh majoriti umur subjek yang terlibat dalam kajian adalah mereka yang berumur antara 22 hingga 24 tahun. Oleh yang demikian perbandingan hanya melibatkan peringkat umur yang terhad tempohnya iaitu lingkungan 21 tahun ke atas sahaja. Keputusan sebaliknya dijangka mungkin diperoleh sekiranya perbandingan umur melibatkan perbezaan umur yang lebih luas dan ketara. Dapatan ini membuktikan bahawa dalam keadaan di mana majoriti tahap EI pelajar adalah sederhana, tahap pencapaian akademik adalah sama dalam semua peringkat kategori umur. Ini membuktikan bahawa faktor umur tidak memainkan peranan penting dalam perkembangan EI seseorang.

Hasil kajian ini tidak menyokong beberapa dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Brody dan Hall (1993), Goleman 1995, 1998 dan Bar-On 1997, 1998, Sutarso (1999) dan Mayer et al. (2000) yang menyatakan bahawa umur memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan EI. Bagi mereka EI bukan sesuatu yang ditakdirkan atau dipengaruhi oleh faktor genetik. EI ini sentiasa berkembang mengikut peningkatan umur dan peredaran masa yang mana ia boleh dipelajari dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa (Goleman 1995, 1998 dan Bar-On 1997, 1998).

Oleh itu ia memberi peluang luas kepada ibu bapa, guru, pensyarah, pengetua, felo kolej dan majikan dalam mencorakkan dan membantu kejayaan seseorang dalam kehidupan.

Oleh itu perbezaan dari segi kecepatan menjadi dewasa dan matang antara kaum lelaki dan perempuan memberi kesan dalam perkembangan EI seseorang dan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan lebih cepat terdedah kepada penggunaan dan perkembangan bahasa emosi berbanding lelaki. Ini jelas dari dapatan kajian yang menunjukkan kaum perempuan meliputi 53.8 peratus mempunyai tahap EI tinggi berbanding kaum lelaki iaitu mewakili 30.5 peratus. Namun, perbezaannya tidaklah begitu ketara, tetapi kesannya tetap ada. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kaum lelaki meliputi 69.5 peratus tahap emosi sederhana berbanding kaum perempuan yang hanya 45.7 peratus sahaja. Namun perbezaannya juga tidak begitu ketara. Oleh itu, golongan perempuan mempunyai tahap pengurusan dan pengendalian emosi yang tinggi berbanding lelaki.

Oleh itu, secara keseluruhannya faktor umur tidak menunjukkan perbezaan dan hubungan kepada perkembangan EI seseorang individu. Lelaki dan perempuan mempunyai kemahiran dan kekuatan masing-masing. Perkara ini terjadi disebabkan oleh banyak faktor lain yang lebih berkuasa dalam menyumbangkan kepada perbezaan perkembangan emosi seseorang individu seperti mana yang telah dibincangkan di atas.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah EI merupakan pemboleh ubah yang tidak dapat mempengaruhi perlakuan manusia terutama dari segi pencapaian akademik secara keseluruhan. Ini kerana melalui dapatan kajian menunjukkan pemboleh ubah EI ini mempunyai hubungan yang positif terhadap pencapaian akademik namun dari segi kekuatan hubungannya dianggap lemah. Hasil ini menunjukkan bahawa tidak semestinya EI yang tinggi atau sederhana dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik dan begitulah sebaliknya. Bagi pemboleh ubah EI yang melibatkan interaksi dengan faktor demografi iaitu jantina dan umur ke atas pemboleh ubah pencapaian akademik dapatan kajian juga tidak memberi kesan interaksi yang signifikan dalam interaksi tersebut. Tidak terdapatnya kesan interaksi ini menunjukkan bahawa faktor jantina dan umur tidak memberi kesan yang berbeza terhadap pemboleh ubah pencapaian akademik dalam kalangan penghuni KAB dan KZ. Keseluruhannya, kajian ini berupaya dalam menerangkan hubungan pemboleh ubah EI ke atas pemboleh ubah pencapaian akademik. Walaupun keputusan negatif namun ia memberi gambaran bahawa terdapat faktor lain yang perlu diberi perhatian oleh pihak kolej dan universiti bagi membantu mahasiswa/i dapat memastikan peningkatan dalam pencapaian akademik yang memuaskan. Oleh itu pihak UPSI perlu memikirkan langkah-langkah persekitaran yang perlu ditambah baik bagi membantu pelajar-pelajar ini dalam menjamin proses pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan selain menjadikan kolej sebagai tempat pembelajaran kedua dan bukan tempat untuk tidur dan bersantai semata-mata.

## RUJUKAN

- Abraham, R. 2000. The role of job control as a moderator of emotional dissonance and emotional intelligence: Outcomes and relationship. *The Journal of Psychology*, 134(2): 169-184.
- Arnold, K. & Denny, T. (1992). *The Chicago Tribune*. University of Illinois.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor, & Haliza Jaafar 2007. *Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan*, UTM Johor. Laporan Penyelidikan, Jabatan Asas Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Bar-On, R. 1997. *The emotional Quotient Inventory (EQ-i)*: Technical manual. Toronto: Multi Health Systems.
- Bar-On, R. 1998. *BarOn Emotional Quoitent (EQ-i): Facilitators resource manual*. Toronto: Multi Health Systems.
- Bar-On, R. 2000. Emotional and social intelligence. Dlm. Bar-On, R. & Parker, J.D. (pnyt.). *The Handbook of Emotional Intelligence*, hlm. 363-388. San Fracisco: Jossey-Bass.
- Block, J. 1995. On the relation between IQ, impulsivity and delinquency. *Journal of Abnormal Psychology*, 104.
- Boyatzis, R.E., Goleman, D., & Hay/McBer. 1999. *Emotional competence Inventory*. Boston: Hay/McBer Group.
- Boyatzis, R.E., & Goleman, D. 1999. *Emotional Competence Inventory*. Boston: HayGroup.
- Bryman, A. & Cramer, D. 2001. *Quantitative Data Analysis With SPSS for Windows : A Guide for Social Scientists*. Completey Updated Ed. New York.
- Brody, L.R. & Hall, J.A. 1993. *Gender and Emotion*. New York: Guilford Press.
- Collins, J.K. & Harpes, J.F. 1974. Problems of adolescent in Sydney, Australia, *Journal of Genatic Psychology*, 125(2), 189-194.
- Dwyer, C.A., 1974. Influence of children's sex role standards on reading and mathematics achievement. *Journal of Educational Psychology* 66:811-816.
- Gilligan, C. 1989. *Adolescent Development Reconsidered: Adolescent Social Behavior and Health*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Goleman, D. 1995. *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. "What Makes a Leader". *Harvard Business Review*. 76, 6(Nov.-Dec. 1998): 93-102.
- Goleman, D. 1998. *Working With Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Masni Khamis. 2001. Gaya pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Projek Penyelidikan. Bangi Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mayer, J.D. & Slovey, P. 1993. The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence* 17(4); 433-442.
- Mayer, J.D., Caruso, D.R., & Salovey, P. 2000. Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence* 27(4): 267-298.
- Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir. 2001. *Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Noor Hayati Alwi. 2005. Persepsi guru berhubung tahap pelaksanaan pendekatan pengajaran konseptual di sekolah-sekolah harian dan pusat GIATMARA. Dalam Zaidatol Akmaliah, Lope Pihie dan Foo Say Fooi. 2005. *Memperkasa pendidikan pelajar berisiko*. Serdang Selangor. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Schultz, R.S. & Schultz, S.E. 1998. *Theories of personality*. Ed. Ke 6. Pacific Grove: Brooks/Cole Publishing Company.

- Schutte, N.S., Malouff, J.M., Hall, L.E., Haggerty, D.J., Cooper, J.T., Golden, C.J. & DornhElm, L. 1998. Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences* 25: 167-177.
- Siti Nor Yaakob 1990. Perkaitan beberapa faktor latar belakang keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Pendidikan Guru*. 6: 87-98.
- Stenberg, R.J. & Smith, C. (1985). Social intelligence and decoding skills in nonverbal communication. *Social Cognition*, 3, 168-192.
- Sutarso, P. 1999. Gender differences in the emotional intelligence inventory (EQI). *Dissertation Abstracts International: Section B: The Science & Engineering* 60 (6-B): 3011. University of Alabama.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: an introduction*. Boston: Allyn and Bacon.